

Komen ahli Majlis Tertinggi UMNO

"Perdana Menteri dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) meminta anggota parti mengekalkan perpaduan, elakkan perselisihan sesama sendiri dan mengingatkan bahawa UMNO parti yang memperjuangkan Islam, bukannya Pas."

— **Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.**

"Nasihat Dr. Mahathir ialah supaya ahli mempertahankan kedudukan orang Melayu dan menyatupadukan semua kaum. Jaga orang Melayu dan agama."

— **Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.**

"Terdapat 28 nasihat Dr. Mahathir seperti yang dicatatkan oleh Datuk Seri Abdullah, antaranya mengingatkan bahawa kita semua adalah pemimpin bangsa dan negara."

"Dan sebagai pemimpin, kita mestilah selalu memikirkan soal kepentingan negara, bukannya peribadi."

— **Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.**

"Kita anggap Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang hebat, berdisiplin tinggi, bekerja kuat, bersikap terbuka dan tulus ikhlas."

UM 31/10/2003 - 10 PRECISE

"Beliau seorang yang warak tetapi tidak menunjukkan kewarakan-nya. Beliau seorang pemimpin Melayu paling hebat yang pernah dilahirkan."

— **Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakub.**

"Saya yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengikut jejak langkah Dr. Mahathir dan beliau yang mempunyai pengalaman luas akan dapat mengendalikan parti sebaik mungkin."

— **Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Dr. Hilmi Yahaya.**